

11/11/1999

Seri Paduka Canselor pertama UiTM

Syuhada Choo Abdullah

KUALA LUMPUR, Rabu - Kementerian Pendidikan mengumumkan UiTM sebagai akronim bagi Universiti Teknologi Mara yang akan digunakan dalam semua urusan rasmi dan pentadbiran organisasi itu berkuat kuasa serta merta.

Yang di-Pertuan Agong pula diumumkan sebagai Canselor pertama UiTM sejajar dengan akta baru universiti berkenaan yang dicadangkan di bawah Seksyen 19 (A), manakala jawatan Rektor ditukarkan kepada Naib Canselor dengan Prof Datuk Dr Ahmad Zaidee Laidin sebagai penjawat sulungnya.

Menteri Pendidikan, Datuk Seri Najib Tun Razak, ketika mengumumkannya di Kementerian Pendidikan di sini hari ini, berkata akronim UiTM dianggap sesuai bagi menggambarkan perubahan nama serta status Institut Teknologi Mara (ITM) itu tidak mengubah falsafah penubuhan organisasi berkenaan.

Selain itu, beliau berkata, UiTM turut dilengkapi dengan logo baru yang mana keseluruhan bentuknya masih mengekalkan identiti keilmuan dan gedung budaya ilmu kekal berpanjangan.

Menurutnya, upacara rasmi pertama yang akan menggunakan logo dan nama baru berkenaan ialah pada Majlis Konvokesyen Ke-50 UiTM yang dijadual pada 13 hingga 18 November ini.

Sejak ditubuhkan, katanya, UiTM adalah simbol maruah perjuangan dalam pendidikan Bumiputera, dan akan sentiasa menjadi contoh serta rujukan mengenai perjuangan dan pencapaian pendidikan kaum Bumiputera.

Walaupun sebelum ini organisasi itu dianggap sebagai institusi pengajian tinggi awam (IPTA) kelas kedua kerana membantu pelajar luar bandar yang tidak mampu memasuki universiti lain, beliau berkata, UiTM kini sudah menjadi antara IPT yang terbaik dan terpilih di rantau ini.

"Bagaimanapun, saya ingin menegaskan bahawa UiTM masih berperanan mengendalikan majoriti kursusnya pada peringkat diploma. Ini kerana kita perlu membuktikan bahawa kita tidak lupa diri walaupun UiTM mampu menyelia kursus pada peringkat ijazah dan pasca ijazah dengan baik.

"Kita juga perlu mempertahankan organisasi ini sebagai sebuah pusat pengajian tinggi unggul khas untuk Bumiputera supaya UiTM menjadi sinonim kepada kejayaan Bumiputera dalam bidang pendidikan pada peringkat tertinggi di Malaysia.

"Sehubungan itu, sekali lagi saya memberi jaminan bahawa pindaan Akta ITM 1976 tidak akan menyentuh tiga soal pokok, iaitu kuota pelajar Bumiputera, yuran pelajar dan peranannya menghasilkan 70 peratus pelajar lulus diploma," katanya.

Teks ucapan beliau dalam majlis pelancaran logo dan akronim baru UiTM itu disampaikan oleh Timbalan Menteri Pendidikan, Datuk Khalid Yunus. Pengisytiharan ITM kepada UiTM dilakukan oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, pada 26 Ogos lalu.

Sementara itu dalam sidang akhbar selepas majlis berkenaan, Khalid berkata, UiTM kini merupakan universiti terbesar di negara ini dengan jumlah 75,000 pelajar, sebuah kampus induk di Shah Alam serta 15 kampus cawangan dan dijangka membina empat lagi yang baru kelak.

Beliau berkata, UiTM mengunjurkan jumlah pelajarnya akan meningkat kepada 100,000 orang pada tahun depan dan 150,000 pada 2005.

Menurutnya, beliau sudah membentangkan pindaan Akta ITM 1976 di Dewan Rakyat pada minggu lalu yang merangkumi perubahan nama dan taraf penjawat di UiTM membabitkan soal skim perkhidmatan kira-kira 7,000 kakitangan semua peringkat.

"Skim gaji kakitangan UiTM juga sedang dibincangkan dengan pihak Jabatan

Perkhidmatan Awam (JPA) tetapi kebiasaannya tidak jauh berbeza dengan universiti lain," katanya.

(END)